

PEMBENTUKAN NILAI DAN KECEMERLANGAN BAGAI MELAHIRKAN GENERASI MUDA YANG MAPAN DALAM MENGHADAPI ERA PASCA MODENISME

Mohd Ismail Bin Mustari (mohdismail@utm.my)

Ahmad Kilani Bin Mohamed
Kamarul Azmi Bin Jasmi
Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial
UTM Skudai, 81310 Johor.
Tel: 07:5535030
Fax: 07-5535101

Robiah Binti Ya'akob
Sekolah Menengah Mutiara Rini,
Johor Bahru, Johor.

ABSTRAK

Dalam era Pasca Modenisme, generasi muda perlu diberikan perhatian khusus kerana mereka merupakan golongan paling dominan untuk diletakkan pelbagai harapan dan hala tuju agama, bangsa dan negara. Golongan ini merupakan pewaris kepada kepemimpinan dan kehidupan akan datang. Justeru itu, keperibadian mereka harus dilentur sedaya mungkin agar keseimbangan rohani, intelek, emosi dan jasmani terbena dengan suburnya. Ciri-ciri pemuda cemerlang mengikut kajian sarjana Islam dan Barat cuba diketengahkan untuk dijadikan ukuran dalam menentukan hala tuju generasi muda dewasa kini. Ciri-ciri pemuda cemerlang yang dikemukakan ini merupakan pilihan daripada banyak teori-teori kecemerlangan pemuda yang lain. Kemahiran-kemahiran yang menjadikan seseorang pemuda cemerlang juga akan diketengahkan. Ini termasuk aspek kerohanian, pengurusan diri, bersosial, berorganisasi, kepimpinan, berkomunikasi dan berdakwah. Kemahiran ini perlu dikuasai bagi memastikan ia mempunyai persediaan yang mapan untuk melayari bahtera kehidupan sebagai seorang pemuda yang berwawasan. Apabila pemuda kita bangkit dengan segala penampilan yang sempurna, penuh keyakinan, keilmuan dan keterampilan yang mantap, satu revolusi [emakin ummah akan dapat dijelmakan. Pemakin ummah yang mempunyai kekuatan dari aspek keperluan kehidupan duniawi dan ukhrawi seterusnya mampu menangani segala permasalahan yang mendatang dalam Era Pasca Moden ini.

Pendahuluan

Pasca Moden merupakan satu pemikiran baru di Barat. Ia muncul sekitar tahun 1960an dengan kemunculan beberapa pemikir Barat seperti Jean-Francois Lyotard, Michel Foucault, Jacques Derrida, Habermes, Nancy Scheper-Hughes dan Jean Baudrillard. Pemikiran ini telah meresap masuk dalam kesenian, kebudayaan, kesusasteraan dan kemasyarakatan. Pemikiran ini lebih bersifat negatif dan pesimis terhadap pemikiran moden, ia menolak premis tentang kehebatan dan keagungan akal dan kebolehan manusia seterusnya boleh membawa kepada keraguan terhadap wahyu dan kebenaran. Oleh kerana itu setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan untuk menyedarkan golongan pemuda agar mereka tidak terheret secara langsung atau tidak dalam

pemikiran tersebut. Perbincangan mengenai generasi muda merupakan suatu perbincangan serius dan memerlukan keperihatinan yang tinggi bagi setiap lapisan masyarakat yang terlibat dengannya. Generasi muda pada kaca mata masyarakat adalah usia yang melambangkan kemudaan, ketegapan, ketangkasan, kemanisan, kegirangan, dan segala kesempurnaan dan keindahan. Generasi muda merupakan pewaris kepada kepimpinan dan kehidupan akan datang. Justeru itu, keperibadian mereka harus dilentur sedaya mungkin agar kesimbangan rohani, intelek, emosi dan jasmani terbena dengan suburnya. Masyarakat dewasa yang lebih berpengalaman sewajarnya membantu dan menghulurkan kerjasama yang tidak berbelah bagi untuk memastikan kecemerlangan dalam usia muda ini dapat direalisasikan.

Memperkasakan potensi pemuda adalah tanggungjawab bersama. Pemuda harus dibangunkan keupayaan, disuburkan keintelektualan, dimotivasikan rangsangan dan gerakannya agar mereka ada kekuatan pukal mengangkat martabat dan harga diri keperingkat antarabangsa. Kita mempunyai potensi pemuda yang amat bernilai dalam pelbagai aspek dan disiplin kehidupan, kemasyarakatan serta keilmuan. Untuk menyerlahkan potensi tersebut buku ini diharapkan dapat membantu membuka laluan dan minda setiap lapisan masyarakat sama ada belis itu sendiri atau masyarakat dewasa. Perbincangan di dalam buku ini dibahagikan kepada enam bahagian. Ianya bertujuan agar setiap pembaca dapat menghayati perbincangan yang dikemukakan dan seterusnya melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan potensi pemuda.

Pandangan Sarjana Islam Terhadap Pemuda

Abdullah Naseh 'Ulwan, (1994) Golongan pemuda adalah golongan yang memikul beban amanah untuk melanjutkan proses pengembangan dakwah dan generasi penerus bagi pembangunan ummah. Peranan pemuda adalah amat penting kerana golongan ini adalah pewaris masa depan sesebuah negara dan kepimpinan umat. Pelbagai hadis Nabi yang berkaitan dengan peranan golongan pemuda telah di utarakan untuk menyedarkan para pemuda tentang hak dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh mereka dalam sesebuah institusi masyarakat menurut kaedah yang telah ditetapkan oleh Islam.

Ahmad Sarji Abdul Hamid, (2001) Ada cendekiawan Islam yang menyatakan bahawa anugerah Allah S.W.T. yang terbaik bagi manusia ialah zaman belianya. Zaman pemuda adalah zaman yang paling gemilang bagi setiap orang. Zaman pemuda juga adalah zaman produktif, membangun dan membina. Zaman pemuda sebenarnya adalah zaman kekuatan di antara dua kelemahan, iaitu kelemahan di zaman kanak-kanak dan di zaman tua. Allah S.W.T. menjelaskan perkara ini di dalam al-Qur'an, yang bermaksud:

“Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu, Ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Ia mneciptakan apa yang dikehendakki-Nya, dan Dialah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa”.

(Surah al-Rum: 54)

Ayat ini membawa kita untuk mengambil pengajaran agar memanfaatkan usia ke emasan ini kerana masa akan terus berlalu. Proses kitaran dan kronologi ini merupakan fitrah kehidupan. Sekiranya peluang ini tidak dapat dibangunkan belia, dan ummah akan menerima kerugian dan impak yang besar sebab kecuain tersebut. Ibn Khaldun, (1974) mengungkapkan sesebuah bangsa atau masyarakat hanya akan mencapai kecemerlangan apabila unsur-unsur kekuatan persaudaraan, keterampilan akhlak mulia dan kesedaran agama tersemadi di sanubari setiap manusia. Kalau lemah unsur-unsur ini maka akan lemahlah sesuatu bangsa atau masyarakat itu. Yusuf al-Qardhawi (1998) menegaskan, “perlu segera disedari, bahawa pemuda kebangkitan

Islam adalah generasi termahal dan paling berharga yang terdapat di negeri-negeri kaum muslimin. Dalam khutbah Aidil Adha di Iskandariah Mesir, beberapa tahun yang lalu, saya tegaskan kepada jemaah : Sesungguhnya yang termahal di Mesir bukanlah kapas, minyak dan terusan Suez, melainkan para pemudanya”. Pemuda mukmin yang lurus merupakan potensi termahal dalam umat. Mereka adalah kekayaan umat yang sebenarnya, mereka tabungan masa depan ummah. Oleh kerana itu, sewajarnya kita memberikan perhatian yang besar kepadanya. Jika anda meninggalkan mereka, maka dengan siapa lagi mereka membangun dan memajukan ummah”.

- A. Aziz Derama, (1986) Generasi muda sebagai pemimpin masa kini dan masa depan mesti bergerak dalam kematangan, keupayaan dan motivasi yang lebih positif dan efektif, di dalam realiti *heterogenous* dan komitmen yang lebih kukuh. Kesedaran perlu wujud dan berkembang sealiran dengan cita-cita pembinaan budaya bangsa ke arah kejayaan satu bangsa yang kuat bermaruah dan mempunyai martabat tinggi. Kesedaran itu adalah kesedaran yang mengatasi masalah kelompok, suku kaum atau budaya bangsa yang berpecah tanpa memperlihatkan apa-apa keperibadian, kesatuan dan jiwa yang satu padu. Nik Mustapha Nik Hassan, (2001) Generasi muda atau golongan pemuda dalam sesebuah masyarakat merupakan golongan yang sangat penting. Mereka mempunyai sifat dan ciri yang dianggap sebagai tulang belakang kepada sesebuah negara. Mereka mempunyai kekuatan fizikal, ketajaman fikiran, kemampuan dan kesanggupan mencuba. Dengan kelebihan tersebut mereka mampu menjadi kumpulan pendesak yang berkesan dan berpengaruh. Justeru itu dalam mana-mana masyarakat, golongan muda diiktiraf berkemampuan memainkan peranan untuk mempengaruhi suasana dan budaya hidup sesebuah negara.

Mohd Nor Hj. Nawawi, 1986 menyatakan, “gerakan yang dimainkan oleh golongan pemuda dalam budaya kerja yang kolektif akan mampu mencetuskan perubahan di dalam masyarakat. Hakikat ini memang tidak boleh dinafikan kerana kebangkitan ummah dari dahulu, kini, dan mungkin selama-lamanya banyak didominasi oleh golongan muda. Hussain Mohamed, (1986) Perkembangan sejarah dunia telah memperlihatkan bahawa dari masa ke semasa, golongan ‘orang muda’ atau ‘belia’ dalam sesebuah masyarakat itu telah muncul sebagai satu tenaga kolektif penting yang terlibat secara langsung dalam berbagai kegiatan kemasyarakatan dan kemanusiaan. Penglibatan ini telah menjadikan golongan pemuda dapat memainkan peranan tertentu dalam perubahan yang dialami oleh sesebuah masyarakat; dan malahan dalam suatu bentuk hubungan dua hala. Perubahan itu juga turut mempengaruhi golongan belia, iaitu seperti mana yang pernah disebutkan oleh Fishman dan Solomon, “..... *the process of social change itself may be a potent enzyme in the development of social action group among youth.....*”

Azimi Hamzah, (1994) Peringkat pemuda merupakan tahap pertumbuhan seseorang manusia yang amat genting. Ketika ini individu meninggalkan zaman remajanya yang menandakan berakhirnya zaman pergantungan kepada ibu bapa dan bermulanya masa berdikari. Perpisahan ini bukan satu perkara yang mudah, terutamanya apabila mereka masih mengharapkan kewangan daripada keluarga sambil belajar untuk hidup bebas. Di tahap ini juga anak muda mula terlibat dalam membuat keputusan yang akan mempengaruhi masa depan mereka. Mereka mula memusatkan tenaga dan minat ke arah pertumbuhan dan pembangunan diri. Dengan perkataan lain mereka mula dibebankan dengan kemungkinan menghadapi kegagalan yang akan menyebabkan mereka mengalami pelbagai masalah peribadi dan sosial. Sekiranya mereka tidak mendapat bimbingan yang wajar ada kemungkinan mereka akan mengasingkan diri, membuat keputusan yang melanggarkan kebiasaan, dan seterusnya menjadi beban kepada, keluarga, masyarakat dan negara.

Azimi Hamzah, (1994) Masyarakat dan negara mahukan pemuda mempunyai akhlak mulia, produktif, berkemahiran dan melaksanakan amanah terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara dan Penciptanya. Matlamat yang sebegini luas tidak dapat dipenuhi melalui sistem persekolahan formal semata-mata. Walau bagaimanapun sistem persekolahan berupaya memberi pendedahan awal ke arah pencapaian matlamat tersebut. Malangnya, banyak pemuda yang tidak dapat mengikuti persekolahan secara berterusan (mungkin kerana gagal dalam peperiksaan, kesempitan hidup keluarga, cacat dan sebagainya). Oleh yang demikian satu pendekatan pendidikan yang lebih dinamik diperlukan untuk menyediakan pemuda (terutama mereka yang meninggalkan pendidikan formal terlalu awal) agar dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Melalui pandangan sarjana-sarjana Islam ini dapat diketengahkan satu teori bahawa pemuda merupakan masa yang paling subur untuk dibentuk, dipupuk dengan segala perkembangan yang positif. Perkembangan pemuda ini banyak terletak kepada pemuda itu sendiri dan masyarakat yang lebih dewasa. Suatu gagasan dan perancangan yang padu perlu dilakukan dengan konsisten bagi menghasilkan pemuda yang dominan dalam pelbagai aspek. Tempelakkan ke atas pemuda dengan kata-kata yang sinis dan membunuh potensi mereka seperti “ pemuda hari ini telah rosak moral mereka”, “ pemuda banyak terjebak dengan budaya kuning”, “ naluri pemuda lebih terangsang untuk mengikut hawa nafsu berbanding menggunakan pemikiran yang waras”, “ pemuda hari ini lebih bersikap kurang beradab terhadap orang yang lebih tua”, “ pemuda hari ini lebih suka keseronokkan dan hiburan sahaja”, “ pemuda hari ini lebih suka berfoya-foya”, “ pemuda hari ini lebih cenderung dengan budaya pergaulan bebas”, pemuda hari ini ramai yang terjebak dengan dadah” dan lain-lain lagi.

Perkataan dan bicara seperti ini sekiranya tidak dihalusi ianya akan membawa kesan negatif yang mendalam di dalam jiwa pemuda. Mereka akan mengambil kesimpulan bahawa dalam usia pemuda ini memang kecenderungan mereka adalah ke arah yang tidak bermoral dan negatif. Runtunan jiwa mereka memang ingin bebas tanpa sekatan dan kongkongan. Mereka ingin berdikari dengan ertikata yang salah (tidak boleh ditegur, dibentuk dan dihalang keinginan mereka). Apabila mereka melakukan kesalahan dan perkara yang tidak bermoral pemuda dan masyarakat akan mengatakan sememangnya usia pemuda sedemikian. Mereka lebih cenderung kepada perkara-perkara yang tidak baik. Perasangka, pemikiran dan kefahaman seperti ini amat merbahaya. Ia lebih merbahaya daripada dadah. Ia akan mendorong secara tidak langsung kepada perbuatan yang tidak bermoral. Perkara yang salah akan dipandang dengan kebenaran dan perkara yang benar akan dipandang sebagai suatu kesalahan. Belia, ibu bapa dan masyarakat seolah-olah sependapat bahawa sememangnya usia di awal pemuda itu suatu proses perubahan yang akan lebih mirip kepada perkara-perkara yang negatif. Akhirnya ibu bapa dan masyarakat akan berlepas tangan untuk menegur, mencegah mereka daripada melakukan perkara-perkara yang salah bersandarkan di atas tanggapan tersebut.

Pandangan sarjana-sarjana Islam di atas membuktikan bahawa usia pemuda adalah usia yang paling berharga dan fitrah mereka sebenarnya sukakan kepada kebenaran, kejujuran, ketaatan dan pengorbanan. Mereka harus dibimbing, dididik dan dikawal agar aset yang bernilai ini benar-benar dapat dimaksimumkan potensinya ke arah kecemerlangan yang bersepadu dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Segala perasangka negatif ke atas pemuda perlu dikikis sedikit demi sedikit dan usaha memperkasakan potensi kecemerlangan mereka perlu terus dilakukan dengan konsisten. Minda masyarakat kita hari ini dan khususnya pemuda sendiri telah terkesan dengan pandangan Barat yang mengatakan bahawa usia pemuda ini sering dikaitkan dengan segala keinginan dan kebiasaan yang negatif. Sedangkan pandangan Islam sama sekali bertentangan dengan fakta tersebut. Fitrah semula jadi manusia adalah cinta kepada kebaikan, kesempurnaan, ketulusan, kesucian dan pengabdian diri kepada Allah S.W.T.

Perkembangan pemuda hari ini yang sering dikaitkan dengan gejala negatif adalah disebabkan pengaruh pendidikan awal di dalam keluarga yang kurang meneken kefahaman, pengamalan dan penghayatan agama. Faktor ini diperkukuhkan lagi dengan keadaan persekitaran yang tidak memberi sumbangan ke atas pembentukan budaya positif, nilai-nilai murni, ketaqwaan dengan segala kebaikan. Peranan media masa sama ada berbentuk cetakkan atau elektronik juga banyak membentuk persepsi, minda seterusnya mengundang pemuda ke arah kemungkaran, kemaksiatan, keterlanjuran dan gejala-gejala yang tidak bermoral. Apabila berlaku sesuatu perkara yang negatif di kalangan pemuda seperti budaya merokok, memukul, mencuri, berpasangan sebelum nikah, melepak, merosakkan harta awam, lumba haram dan penyakit moral yang lain, masyarakat akan mengatakan itulah lumrah pemuda dewasa kini. Sebenarnya Islam memandang sebaliknya. Penyakit-penyakit tersebut bukan lumrah bagi seorang pemuda muslim. Belia- pemuda muslim sentiasa dikelilingi dengan keinginan yang positif, menyuburkan minda dan rohani ke arah kecemerlangan dan ketaqwaan. Tanggapan inilah yang merupakan asas utama perlu diperbetulkan di kalangan masyarakat dan belia. Sekiranya masyarakat dan pemuda mempunyai interpretasi yang betul terhadap peranan yang perlu dilaksanakan maka penyusunan semula dalam membentuk pemuda cemerlang akan mudah dan lancar.

Pandangan Sarjana Barat Terhadap Pemuda

Golemen, 1998 menjelaskan, “Jurang akan berlaku antara golongan muda dan tua apabila tiada keserasian dari segi keperluan dan kemahuan dua golongan ini. Golongan tua yang lebih masak dengan kehidupan berbanding dengan golongan muda secara umumnya akan lebih mahir dalam aspek bermasyarakat. Kemahiran ini akan dapat diperolehi melalui interaksi positif antara pemuda melalui aktiviti yang merangkumkan aspek intelektual dan emosi”. Gardner, 1990 menegaskan, “aspek fizikal sememangnya banyak dititikberatkan oleh pertubuhan di mana aktiviti-aktiviti terancang sentiasa menuntut para pemuda untuk mempergunakan kekuatan fizikal mereka. Dari aspek intelektual, atau lebih dikenali sebagai IQ (*Intellectual Quotient*) seseorang pemuda perlu mendapat bimbingan asas dari segi pengetahuan mengenai sesuatu perkara”. Mayer dan Salovey, 1997; Cooper dan Sawaf, 1997 menyatakan, “berhubung dengan kecerdasan emosi yang dikenali sebagai EQ (*Emotional Quotient*). Banyak kajian menunjukkan bahawa tidak cukup dengan hanya kecerdasan intelektual untuk seseorang itu berjaya dalam kehidupan mereka. Bukan cukup dengan sekadar minda yang cerdas jika tidak mempunyai kekuatan emosi. pemuda perlu mendapat bimbingan dalam menghubungkan kepintaran mereka dalam kehidupan seharian.

Menurut E. T. Dowd, 1994 “banyak teori-teori personaliti menyatakan bahawa tugas-tugas asas manusia adalah memperkembangkan kemahiran, kepakaran atau kecekapan diri sendiri. Segala tugas-tugas asas ini boleh diperolehi individu dengan cara melakukan aktiviti-aktiviti di mana mereka dapat melihat dan menilai dirinya sendiri bertambah maju dari segi kemahiran, keahlian dan kecekapan. Oleh itu, perlulah untuk setiap individu khususnya golongan muda melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti tertentu yang dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan kemahiran dalam keadaan yang penuh dengan kebebasan”. Kraus, 1990 berpendapat “golongan dewasa muda didapati lebih memerlukan waktu lapang yang dapat menseimbangkan pekerjaan dan permainan, meluahkan emosi, sesuatu yang mencabar serta kemahiran-kemahiran dalam kehidupan yang tidak dapat diperolehi daripada pekerjaan”. Beal, G.M, Bohlen, J.M. dan Roudabaugh, (1967) Penglibatan pemuda dalam persatuan mungkin disebabkan oleh keinginan untuk memenuhi kehendak atau keperluan mereka ingin mengikut jejak langkah ibu bapa yang menjadi anggota, kerana banyak kawan yang menyertainya, harapan dapat berhubung mesra dengan anggotalain, melepaskan diri daripada belenggu kebosanan serta tertarik dengan aktiviti –aktiviti kumpulan.

Eisenstadt (1969) menyebut bahawa arus perubahan dan proses pemodenan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat itu boleh menimbulkan dua impak dan masalah utama ke atas golongan orang pemuda umumnya. Pertama adalah sebagai suatu masalah sosial di kalangan pemuda khususnya dan masyarakat seluruhnya. Masalah ini merupakan akibat-akibat sampingan yang terhasil oleh adanya proses urbanisasi, perindustrian, migrasi desa-bandar dan lain-lain yang berkembang dalam masyarakat yang sedang mengalami proses pemodenan dan pembangunan sosio ekonomi dan politik. Bentuk masalah yang praktis antaranya adalah berupa kegiatan jenayah, timbulnya *street corner society*, pengganguran, kekecewaan serta lain-lain, yang sememangnya tidak asing lagi dalam kebanyakan negara, termasuklah Malaysia.

Luis A. Gomez de Souze & Lucia Ribeiro, (1976) pemuda adalah satu golongan atau kelompok umur anggota sesebuah masyarakat yang mempunyai ciri-ciri tingkah laku atau budaya tertentu. Kedudukan, peranan dan penglibatan mereka adalah bergantung pada suasana, struktur serta sistem kehidupan sesebuah masyarakat, sama ada yang berkaitan dengan ekonomi, tingkat kemajuan sosio-ekonomi, pendidikan, ideologi, politik, nilai-nilai sosio-budaya atau lain-lainnya. S. Allen (1968) Sebagai golongan yang produktif, idealistik dan menjadi bakal pemilik masa depan masyarakat, maka ternyata adanya berbagai bentuk penglibatan sebagaimana yang telah dibincangkan dalam ini nanti, golongan ini boleh dipergunakan dalam berbagai tujuan dan aktiviti kemasyarakatan dan kemanusiaan, malahan untuk apa sahaja. Dengan hal yang demikian pula, golongan pemuda itu sesungguhnya akan turut menghayati perubahan-perubahan dan perkembangan yang terjadi dalam masyarakatnya, bahkan menjadi suatu tenaga penting dalam hal ini.

William L. Shirer (1959) Golongan pemuda juga merupakan tenaga penting yang boleh menentukan kekuasaan seorang pemimpin atau ideologi politik dalam abad ini. Misalnya dalam konteks kebangkitan kekuasaan Hitler-Nazisme di Jerman; ideologi Komunisme di Rusia dan beberapa buah negara sosial yang lain, serta juga Zionisme-Yahudi. Kebangkitan serta pengukuhan kuasa Hitler umumnya adalah bergantung pada golongan pemuda Jerman sendiri. Mereka menyokong Hitler atas kesedaran untuk memperbaiki nasib dan masa depan negara, di mana selama beberapa lama sesudah perang dunia pertama, orang-orang Jerman tertindas dan hidup melarat di tanahair mereka sendiri. Barbara Webwer, (1974) Di dalam masyarakat Sosialis yang lain juga terdapat pertubuhan-pertubuhan pemuda yang besar, yang menjadi benteng kekuatan ideologi dan regim politik masing-masing secara tersusun. Misalnya di Poland, di mana terdapat Socialist Rural Youth Union – SRYU, Social Youth Union – SYU, Polish Pathfinders Association dan Polish Socialist Students Association. Sungguhpun keempat-empat pertubuhan ini lebih berorientasikan pada gerakan sosial dan pendidikan tetapi konsep perjuangannya adalah dijiwai oleh konsep politik sosialisme itu sendiri, sama ada dari segi perancangan ataupun matlamatnya. Teori dan analisis pandangan sarjana Barat ini membuktikan peranan pemuda di dalam masyarakat dan negara begitu besar. Golongan ini merupakan penggerak yang paling dominan dalam apa jua perancangan yang disusun. Jatuh bangunnya sesebuah kerajaan itu banyak bergantung kepada kebijaksanaan pemimpin menggerakkan belia- pemuda mereka.

Segala pandangan yang dikemukakan ini tidak akan membuahkan hasil yang memberangsangkan sekiranya setiap lapisan masyarakat masih tidak melakukan anjakan paradigma di dalam menangani isu pemuda ini. Sesungguhnya pembentuk semula pemuda dengan segala kesempurnaan dan kekuatan serta kecemerlangan memerlukan dan mengundang pemikirnya untuk menyusun suatu strategi yang menyeluruh dan berterusan. Ianya bukan permasalahan yang hanya boleh dijadikan sebagai tempelan atau dikesampingkan sahaja.

Pandangan Sarjana Islam Terhadap Ciri-Ciri Pemuda Yang Cemerlang

Sayyid Sabiq (1987) dalam bukunya “Unsur-unsur kekuatan di dalam Islam”, memberikan garis panduan untuk pemuda mewarnai hidup mereka dengan penuh kesungguhan dan keazaman supaya dapat melahirkan pemuda berwawasan. Teori ini seterusnya diperkukuhkan oleh seorang sarjana Islam yang lain, Abdullah Nasih Ulwan (1987) yang menggariskan ciri-ciri pemuda cemerlang mempunyai lima asas.

Lima perkara asas berikut hendaklah menjadi pegangan mereka sekiranya pemuda ingin berjaya dalam kehidupan dan seterusnya mara ke hadapan:

- i. Iman yang teguh dan tidak mudah goyah
- ii. Keikhlasan yang benar, bukan kepura-puraan atau riak
- iii. Kemahuan yang kuat, tidak kenal takut dan gentar
- iv. Kerja keras tidak kenal lelah
- v. Berkorban demi mencapai kemenangan.

Azimi Hamzah (1992) menyenaraikan 11 ciri khusus untuk melahirkan pemuda cemerlang.

- 1 Tidak terpengaruh dengan masyarakat permisif
- 2 Tidak menjadikan hedonisma sebagai asas penghidupan
- 3 Tidak menjadikan duit serta kebendaan sebagai matlamat hidup
- 4 Tidak sombong serta mendabik dada
- 5 Tidak terlibat dengan perlumbaan melulu
- 6 Menunaikan hak orang lain tanpa menuntut hak
- 7 Sentiasa menyedari yang satu hari kita akan mati dan tindak tanduk terhadap diri, orang lain dan makhluk keseluruhannya akan dipertanggungjawabkan
- 8 Bersifat kasih sayang serta hormat-menghormati
- 9 Bersifat ehsan
- 10 Bersedia menggunakan apa yang ada – diri, masa, harta, ilmu untuk kebaikan orang lain
- 11 Membuat sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh serta ikhlas

Sulaiman Darwish (1986) menegaskan untuk menjadi seseorang yang cemerlang, anda perlulah :

- i. Mengubah cara berfikir
 - Jangan berfikir anda bodoh, fikirlah anda bijak
 - Jangan fikir anda lemah, fikirlah anda bertenaga
 - Jangan fikir anda malas, fikirlah anda bersemangat
 - Jangan fikir sekarang sahaja, fikir juga masa hadapan
 - Jangan ikut minat sahaja, ikut kepentingan
- ii. Mengubah sikap
 - Berdidiplin
 - Buat kerja dengan sungguh-sungguh
 - Ambil berat tentang diri anda
- iii. Bertindak
 - Amalkan teknik bekerja yang berkesan
 - Sentiasa rajin dan berterusan
 - Beranikan diri bertanya
 - Libatkan diri dalam segala pergaulan positif
- iv. Tawakal.

Mohd Ismail Bin Mustari (1999) Ciri-ciri insan cemerlang yang perlu diusahakan oleh setiap pemuda dan sesiapa sahaja yang inginkan kecemerlangan dimahkotakan di dalam kehidupannya seperti berikut:

- i. Beriman
- ii. Bertaqwa
- iii. Berilmu
- iv. Berakhlak
- v. Ithar (mengutamakan saudara seagama lebih dari diri sendiri) sanggup melakukan pengorbanan
- vi. Istiqomah di dalam melakukan ketaatan
- vii. Ikhlas
- viii. Bertawakkal kepada Allah
- ix. *Saleh li Nafsihi wa Musleh li Ghairihi*

Idris Salleh (1986) mengemukakan 10 keperluan khusus pemuda yang perlu difahami dan dikenal pasti bagi melahirkan pemuda yang cemerlang:

1. Memperoleh pengetahuan untuk berjaya atau pekerjaan di luar bandar
2. Meningkatkan kepercayaan kepada agama
3. Bagaimana merancang aktiviti
4. Mewujudkan minat atau kesedaran terhadap kerjaya
5. Menggunakan masa lapang
6. Memperoleh kemahiran untuk kerjaya di luar bandar
7. Membentuk pemimpin
8. memupuk semangat berdikari
9. membentuk anggota
10. Membentuk kekuatan untuk mengangkis budaya atau amalan negatif

Pandangan Sarjana Barat Terhadap Ciri-Ciri Pemuda Cemerlang

Penulis Barat W.A. Cohen (1985) dalam bukunya “The Art of Leader” mengemukakan beberapa ciri untuk mencapai kecemerlangan. Catatannya menyebut perkara-perkara berikut sebagai kriteria penting mencapai kejayaan: bersedia menanggung risiko, inovasi, inisiatif, azam yang kental, sikap positif yang berterusan sentiasa maju ke hadapan.

Samuel A. Cypert (2002) mengemukakan 17 teori kejayaan secara umum :
Prinsip-prinsip yang berkaitan dengan sikap :

- 1 Sikap mental positif
- 2 Kepastian tujuan
- 3 Bekerja melebihi apa yang perlu dikerjakan
- 4 Belajar dari kekalahan

Prinsip-prinsip yang berkaitan dengan keperibadian :

- 1 Inisiatif peribadi
- 2 Antusiasme
- 3 Keperibadian yang menyenangkan
- 4 Disiplin diri
- 5 Menganggarkan waktu dan Wang
- 6 Menjaga kesihatan mental dan fizikal

Prinsip-prinsip yang berkaitan dengan persaudaraan:

- 1 Penggabungan kekuatan

2 Kerja berpasukan

Prinsip-prinsip yang berkaitan dengan intelek:

- 1 Wawasan yang kreatif
- 2 Perhatian yang terkawal
- 3 Berfikir secara tepat

Prinsip yang berkaitan dengan kerohanian

- 1 Penghayatan iman
- 2 Kekuatan kebiasaan / Hukum universal

Shiv Khera, (1998) dalam bukunya “*You Can Win*” mengemukakan lapan teori kejayaan:

- 1 Membina sikap positif
- 2 Strategi mencapai kejayaan
- 3 Memotivasikan diri anda dan orang lain setiap hari
- 4 Membina harga diri dan imej positif
- 5 Membina keperibadian yang menyenangkan
- 6 Membentuk tabiat dan pribadi yang positif
- 7 Membuat dan mencapai matlamat yang dirancangan
- 8 Melakukan perkara yang tepat untuk alasan yang tepat

Fakta-fakta di atas menjelaskan kecemerlangan yang dikehendaki di sini merupakan kecemerlangan daripada cantuman empat aspek iaitu kecemerlangan rohani, jasmani, aqli dan emosi. Ianya juga akan melahirkan seorang individu yang menterjemah dan menjadikan keterangan di atas sebagai darah daging dalam kehidupannya. Membuahkan pemuda yang boleh dijadikan ‘*role model*’ dalam masyarakat. pemuda inilah yang akan memainkan peranan sebagai pemuda yang dapat mempertingkatkan prestasi dirinya dan pada masa yang sama dapat membantu belia- pemuda yang lain. Sarjana Islam dan Barat juga mempunyai banyak persamaan dalam mengetengahkan teori kecemerlangan seseorang pemuda itu. Ini membuktikan bahawa seseorang pemuda yang inginkan kecemerlangan dimahkotakan di dalam kehidupannya maka teori-teori di atas perlulah dijadikan panduan dan kayu ukur kecemerlangan.

Tanpa permerhatian yang teliti, ketajaman pemikiran yang tinggi, perbincangan yang menyeluruh, keazaman, kesungguhan dan pengorbanan, mutiara yang diketengahkan ini tidak akan dapat dimilikii manfaatnya. Minda masyarakat hari telah banyak dikaburi dengan penampilan belia- pemuda nageitaif daripada Barat yang mengundang seribu satu permasalahan sosial. pemuda kita hari ini juga telah terkesan dengan propaganda barat sehingga mereka lebih selesa membuat penampilan ala Barat. Penampilan tersebut sama ada dari aspek percakapan, tingkah laku, pergaulan, pemakaian, kenderaan dan sebagainya yang berkaitan dengan kehidupan belia. Suatu permata yang ketara telah mula hilang dalam kehidupan pemuda dewasa kini adalah hakikat persahabatan. Sahabat memainkan peranan utama dalam membentuk peribadi belia. Setiap pemuda perlu pandai memilih sahabat yang sesuai dengannya untuk sama-sama berkongsi masalah dan pengalaman dalam melaksanakan tanggungjawab kehidupan ini. Sekiranya kita lihat statistik apa jua bentuk salah laku, pengaruh kawan adalah di antara penyebab utama yang teringgi. Contoh yang kita boleh ambil adalah pengaruh rakan di dalam keterlibatan pemuda di dalam dadah.

Rasulullah s.a.w. telah memperingatkan umatnya bahawa sahabat itu memberi pengaruh yang besar kepada seseorang. Perumpaman ini ada dijelaskan di dalam hadisnya.

Maksudnya:

“Perumpamaan teman yang soleh (baik) dengan teman yang jahat ialah laksana pembawa wangi-wangian dan tukang besi. Adapun pembawa wangi-wangian, sama ada dia memberimu sedikit, ataupun anda membeli darinya sedikit, ataupun anda dapat mencium daripadanya bau-bauan yang wangi. Adapun tukang besi, sama ada dia membakar bajumu, ataupun anda akan mencium daripadanya bau-bauan yang busuk.

Riwayat Bukhari dan Muslim

Dalam hadis yang lain Rasulullah bersabda yang maksudnya:

“Manusia itu sentiasa menurut kelakuan temannya, maka hendaklah seseorang kamu memerhatikan siapa yang dia berkawan dengannya”.

Riwayat Tirmizi.

Kemahiran-Kemahiran Yang Diperlukan Oleh Pemuda

Berikut adalah kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap pemuda bagi memastikan kecemerlangan berlaku di dalam kehidupan mereka.

1 Kemahiran menyentuh aspek kerohanian

Islam merupakan cara hidup manusia yang di datangkan oleh Allah S.W.T. Islam merupakan sistem dan cara hidup yang berasaskan ilmu berbanding dengan sistem-sistem dan kepercayaan yang lain. Allah S.W.T. yang menciptakan manusia dan makhluk yang hidup di alam ini mengetahui apakah keperluan, kelebihan dan kekurangan yang wujud daripada setiap makhluk tersebut. Allah S.W.T. menerangkan melalui al-Qur'an segala berita-berita yang telah berlaku, sedang dan akan berlaku di masa akan datang. Malahan Maha Suci Allah S.W.T. menerangkan bagaimana cara umat ini untuk merangkul kejayaan, kecemerlangan dan kebahagiaan di dalam kehidupan dunia yang sementara dan akhirat yang kekal abadi. Bukan sekadar itu sahaja Allah S.W.T. mendatangkan contohnya kepada umat akhir zaman sebagai pengajaran bagi kita semua, agar kita tidak tergelincir ke lembah kebinasaan dan kekejian. Allah S.W.T. datangkan contoh golongan yang telah berjaya daripada para Nabi dan Rasul dan golongan yang menderita dengan azab sengsara seperti Firaun, Haman, Qarun dan kaum Nabi Allah Lut a.s.

Perkara utama yang perlu dikuasai ialah memahami, mengimani, menghayati, mengamalkan dan menyampaikan segala tuntutan asas ajaran Islam yang terdiri daripada rukun iman. Rukun iman enam perkara iaitu beriman kepada Allah, Malaikat, Kitab-kitab Allah, Rasul-rasul Allah, Hari Akhirat, Qada' dan Qadar. Memahami, mengimani, menghayati, mengamalkan dan menyampaikan segala tuntutan asas ajaran Islam yang terdiri daripada rukun Islam. Rukun Islam lima perkara iaitu, mengucapkan dua kalimah syahadah, sembahyang lima waktu, mengeluarkan zakat, berpuasa dan mengerjakan haji bagi orang yang berkuasa. Seterusnya berusaha untuk mempertingkatkan perkara-perkara berikut di dalam kehidupan seharian: mempertingkatkan keimanan, memelihara tuntutan Islam, mempertingkatkan ketaqwaan, sentiasa bersifat sabar, sentiasa bersyukur, tidak menuruti kehendak nafsu, mengenal diri sendiri, bersikap adil dan belas kasihan, berhati-hati terhadap tipu daya syaitan, berdo'a, bertaubat dengan taubat yang sebenar-benarnya, menghindari riyak, tidak menyakiti orang lain, menjaga daripada makan yang tidak halal, menjaga rasa malu, menjaga sembahyang berjamaah, melazimkan berzikir dan mengamalkan tuntutan agama walau dalam apa jua keadaan.

2 Kemahiran pengurusan diri

Kemahiran pengurusan diri merupakan salah satu daripada kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap belia. Tanpa adanya bekalan kemahiran pengurusan diri ini seseorang pemuda itu akan gagal menonjolkan dan menyerlahkan kekuatan dan sifat-sifat positif yang ada dilam dirinya.

Kemahiran pengurusan diri ini akan meletakkan diri seseorang itu kelihatan berkarisma, berdisiplin, berpotensi, ceria, cakna dan segala penampilan positif akan tergambar dalam kehidupannya. Di antara kemahiran pengurusan diri yang perlu dikuasai oleh setiap pemuda adalah seperti berikut : mengurus masa, mengurus kewangan, mengurus sikap dan tingkah laku, berkomunikasi dengan lisan, berkomunikasi tanpa lisan, penampilan diri, bersosial, kemahiran mendengar, kemahiran bertanya dan kemahiran menangani tekanan perasaan.

3 Kemahiran bersosial

Manusia adalah sejenis makhluk yang suka hidup bersosial (bermasyarakat). Kehidupan bermasyarakat pula saling perlu memerlukan di antara satu dengan lainnya. Manusia tidak boleh hidup bersendirian dan terasing dari lainnya. Tanpa kerjasama dan kesefahaman sesebuah masyarakat tidak akan dapat dibentuk dan dibangunkan.

Memadangkan begitu pentingnya kemahiran bersosial yang akan membuahkan segala kebaikan, kedamaian, kesefahaman, keinsafan, kekitaan dan segala benih subur yang positif, maka setiap lapisan masyarakat perlu dibekalkan dengan kemahiran bersosial khususnya belia. Berikut adalah beberapa kemahiran yang diperlukan bagi setiap pemuda untuk memastikan mereka berada di atas landasan sosial yang positif: bagi pemuda Islam pergaulan mestilah berasaskan iman, syariah dan akhlak, menghormati hak-hak individu di antara satu dengan yang lain, bekerjasama untuk kebaikan, melakukan sesuatu kerja sosial dengan profesional, melaksakannya bukan untuk mendapat ganjaran material tetapi atas dasar tanggungjawab dengan penuh keikhlasan, mempunyai komitmen yang tinggi dalam setiap bidang kerja-kerja sosial yang tidak bertentangan dengan norma-norma agama dan hak asasi kemanusiaan, mendahulukan perasangka positif di dalam pergaulan bagi mengeratkan dan menimbulkan persefahaman, tidak merosakkan dan tidak membantu dalam merosakkan masyarakat, mempamerkan rasa hormat dan tolak ansur terhadap keunikan dan ciri-ciri kepelbagaian masyarakat berbilang kaum, mempunyai keperihatinan dan sensitiviti positif yang tinggi terhadap kebajikan dan keperluan masyarakat sekeliling dan menjauhkan diri daripada unsur pilih kasih dan berat sebelah di dalam kehidupan bermasyarakat.

4 Kemahiran berorganisasi

Kemahiran berorganisasi merupakan suatu perkara yang amat penting dalam setiap kehidupan individu. Pada asasnya pengetahuan ini akan melengkapkan diri seseorang dengan suatu kefahaman yang mendalam bila mereka memikirkan, melakuakan kaji selidik dan memperaktikkannya di dalam kehidupan seharian. Berikut adalah beberapa kemahiran berorganisasi yang perlu dikuasai oleh setiap belia, bagi memperlengkap diri dalam urusan berorganisasi : mempunyai pemikiran yang terbuka, mengambil bahagian dalam mesyuarat, mempengerusikan mesyuarat, mencatat minit mesyuarat, menyediakan minit mesyuarat, membincangkan perkara dalam mesyuarat, menerima dan menolak cadangan dalam mesyuarat, menyelesaikan masalah yang berbangkit, bekerja dalam kumpulan, mempunyai perancangan jangka pendek dan panjang yang jelas, mempertingkatkan moral, mempertingkatkan kerjasama, mempertingkatkan kreativiti, mempertingkatkan usaha, mempertingkatkan tahap kesungguhan melaksanakan tugas, kesediaan dan berkebolehan berkomunikasi berlandaskan etika bagi menyalurkan pendapat dan berdaya cipta tinggi dalam melahirkan sesuatu yang asli.

5 Kemahiran kepimpinan

Ajaran Islam meletakkan kepentingan yang khusus di dalam menangani isu kepimpinan di dalam masyarakat. Al-Qur'an menjelaskan tentang nabi-nabi dan rasul-rasul yang diutuskan Allah S.W.T. untuk memimpin umat yang tertentu sehingga akhirnya di utus nabi Muhammad s.a.w. sebagai pemimpin dan utusan-Nya yang terakhir untuk memimpin umat manusia seluruhnya. Warisan ini diteruskan oleh umat Islam dari satu generasi ke satu generasi yang lain dengan nama

Amirul Mu'minin, Khalifah, Imamah dan sebagainya yang melambangkan sebagai pemimpin masyarakat dan ummah. Antara kemahiran kepimpinan yang diperlukan: fikiran yang terbuka, berusaha menjana daya intelek yang tajam, dapat menggambarkan apa yang dikata, kesempurnaan ingatan, sanggup menghalusi persoalan dengan perbincangan yang sedikit, menghindarkan senda gurau yang keterlaluan dan sia-sia, dapat mengawal emosi dan diri dalam apa jua keadaan, lapang dada dan cinta kepada keadilan, tidak mengenali takut dan melaksanakan pekerjaan mengikut keyakinan, suka memaafkan, melindungi yang lemah dan terinyaya, suka menerima tetamu dan melayannya dengan baik, sabar dalam menghadapi kesusahan, jujur dalam kata-kata dan tingkah laku, mengutamakan tuntutan agama daripada yang lainnya, menghormati orang tua, memualikan ulama' dan mengasihani kanak-kanak, suka mendengar teguran dan nasihat, cintakan ilmu, mempunyai semangat jemaah atau persatuan, menyayangi ahli dan orang yang di bawahnya, tegas dan benar-benar berazam, mempunyai perancangan jangka pendek dan panjang yang jelas, menggalakkan pendapat yang kritikal serta pemikiran yang tidak terkongkong, tidak membiarkan perbezaan status menjadi batu penghalang atau menjejaskan proses pembuatan keputusan, menjemput orang luar menilai proses pembuatan keputusan, tidak mengamalkan pilih kasih dan berat sebelah dalam melakukan keputusan.

Hussain M.Y. (1988) telah menggariskan beberapa prinsip komunikasi yang harus diamalkan oleh pemimpin dalam kumpulan. Prinsip-prinsip tersebut ialah: bercakap dengan lemah lembut, menggunakan perkataan yang baik, menggunakan hikmah dan nasihat, bercakap benar, menyesuaikan bahasa dan isi percakapan dengan tingkat kecerdasan pendengar, berhujjah dengan cara yang baik, menyebut perkara yang penting berulang kali, mengkotakan apa yang dikata dan mengambil kira pandangan dan fikiran orang lain.

6 Kemahiran berkomunikasi

Kemahiran berkomunikasi merupakan perkara penting dalam menyatukan anggota kumpulan dan membolehkan anggota kumpulan bekerjasama. Seseorang yang mempunyai kekuatan di dalam berkomunikasi mampu mengubah fikiran dan tindak tanduk seseorang di dalam menanggapi sesuatu idea atau perkara.

Teori Ezhar Taman (1999) mengemukakan komunikasi dalam kumpulan boleh diibaratkan sebagai darah yang mengalir dalam tubuh badan manusia. Pengaliran darah yang tidak lancar atau darah yang kotor akan menjejaskan kesihatan manusia. Komunikasi yang tidak berkesan di kalangan anggota-anggota kumpulan akan menjejaskan perjalanan dan prestasi kumpulan. Di antara ciri-ciri komunikasi yang berkesan: pemikiran yang terbuka, sentiasa ceria dan mudah didekati, menggunakan bahasa yang mudah, tersusun dan bermoral, menyesuaikan diri dengan suasana, mengumpul idea dan maklumat, mengatur bahan ucapan, merancang pengenalan ucapan, merancang penutup ucapan, menganalisis audiens, majlis dan diri sendiri, membuat latihan berucap, menyampaikan ucapan khas dan umum, pantang larang berucap dan strategi berucap.

3 Kemahiran Berdakwah

Dakwah adalah seruan, pujukkan, ajakkan, panggilan dan usaha yang dilakukan kepada nilai-nilai positif dan amal soleh. Intipati kepada seruan ini adalah mengajak manusia menerima Islam sebagai agama yang selamat dan sejahtera.

Manusia memerlukan pimpinan, didikan, dan bimbingan yang dapat memandu mereka ke jalan kebenaran. Mereka yang memimpin manusia terdiri dari kalangan nabi dan rasul yang menjadi pendakwah mengajak manusia ke jalan kebenaran. Setelah berlalunya zaman nabi dan rasul manusia masih memerlukan pimpinan, didikan dan bimbingan. Di sini terletaknya

tanggungjawab umat Islam sebagai generasi pewaris menyambung perjuangan kekasih kita Nabi Muhammad s.a.w. Allah berfirman di dalam al-Qur'an sebagaimana terjemahnya:

Dari segi bahasa hikmah itu mempunyai sembilan pengertian :

1. Keadilan
2. Tahan marah
3. Kenabian
4. Sesuatu yang tidak memperlihatkan kejahatan
5. Tiap-tiap perkataan yang bertepatan dengan yang hak (kebenaan)
6. Meletakkan sesuatu pada tempatnya
7. Perkataan yang betul dan tepat
8. Sesuatu yang menegah berlakunya kerosakkan
9. Mengetahui sebaik-baik perkara dengan sebaik-baik ilmu

Mengikut tafsir al-Qurtubi (1993, Jil.10 :131) *hikmah* bermaksud serulah kepada agama Allah S.W.T. lemah lembut dan lunak. Pandangan al-Tabari (1992, Jil.7 :662) *hikmah* bermaksud serulah ke jalan Allah S.W.T. dengan menggunakan kitab yang telah diturunkan Allah S.W.T. iaitu al-Qur'an dan sunnah Rasul-Nya s.a.w. Wahbah al-Zuhaili di dalam tafsir al-Munir (1991, Jil.14 :267) menjelaskan *hikmah* membawa erti menggunakan dalil bagi menerangkan kebenaran dan menolak kesamaran.

Dakwah Islam perlu dilaksanakan oleh seluruh masyarakat Islam yang telah baligh dan berakal. Ianya merupakan lambang kemuliaan umat ini. Semua umat Islam dilahirkan sebagai pendakwah kepada Allah S.W.T. sama ada mereka sedar atau tidak. Apa yang penting umat ini perlu menghayati kembali anugerah yang Allah S.W.T. telah sediakan kepada mereka ini. Berikut adalah ciri-ciri utama yang perlu diberikan perhatian di dalam melaksanakan tanggungjawab dakwah: memahami maksud al-Qur'an dan al-Hadis, objektif dakwah yang jelas dan dihayati, kaedah dakwah yang berkesan, menguasai ilmu yang berkaitan dengannya, meyakini janji-janji Allah S.W.T. dengan keyakinan yang padu, mengenali audiens, penampilan diri yang bersih, keterbukaan, mengajak kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, menjadi role model, beramal dengan apa yang diperkatakan, memahami metod dakwa secara individu, memahami metod dakwah secara berkumpulan, memahami metod dakwah secara khusus, memahami metod dakwah secara umum, kuat hujjah dan fasih lidah, tahan marah dan lapang dada, bersifat wara' (menjauhkan diri daripada segala dosa) dan tenang, bersifat taqwa dan amanah di dalam kehidupan, *tawadu'* (merendah diri) dan menjauhkan sifat *ujub* (sombong), mulia diri, tidak berhajat kepada harta orang lain, berani di atas kebenaran, berpada-pada dengan kesenangan dunia dan redha dengan harta yang halal walaupun sedikit, berdoa' dan bertawakkal..

Konklusi yang dapat diketengahkan, pemuda sebagai insan cemerlang akan lahir apabila wujudnya suatu perancangan yang komprehensif berpaksikan kepada empat elemen utama iaitu penyuburan dan pengawalan terhadap rohani, jasmani, akli dan emosi selari dengan ajaran Islam. Kecemerlangan yang perlu diusahakan oleh setiap individu Islam adalah kecemerlang duniawi dan ukhrawi. Tanpa adanya gabung jalin duniawi dan ukhrawi, insan akan menjadi seperti burung yang mempunyai sebelah sayap. Tiada kekuatan untuk membawa dirinya. Usaha yang hanya mementingkan dunia akan mengakibatkan benda dan kebendaan mempunyai nilai yang tinggi tetapi manusia dan kemanusiaan akan tersungkur menyembah bumi tiada nilai dan harga diri.

Ibn al-'Arabi melalui syairnya menyatakan di dalam Nash al-'Ulwan (1985), "Apabila hilang iman, tiadalah keamanan. Tiada hakikat kehidupan dunia barang sesiapa tidak menghidupkan agama. Barang sesiapa redha kehidupan tanpa agama. Sesungguhnya mereka telah menempah kebinasaan sebagai temannya".

Jelas di sini peranan manusia yang merupakan agen perubahan ke arah kecemerlang perlu memberi perhatian kepada kedua-dua aspek iaitu dunia dan akhirat. Tanpa adanya jalin gabung yang jitu di antara keduanya hidup akan hambar dan tiada kemanisan. Hidup sentiasa resah, tiada ketenteraman walaupun segala bentuk material berada disekelilingnya.

Kesimpulan

Melalui perbincangan yang dikemukakan jelas membuktikan bahawa pemuda kita mampu dilentur mengikut acuan yang dikehendakki dalam mengharungi pelbagai tribulasi kehidupan di era pasca modenisme ini. Apa yang lebih penting adalah kesediaan, perancangan, kesinambungan yang berterusan dan keikhlasan dalam membentuk kesatuan fikir setiap lapisan masyarakat dalam memperkasakan potensi positif golongan muda. Segala bentuk kucuaian, kesilapan yang tidak di atasi dengan segera akan mewariskan kerugian yang berpanjangan.

Senarai Rujukan

- A. Hasjmy. 1974. *Dustur Da'wah Menurut al-Qur'an*. Bulan Bintang, Jakarta, Indonesia.
Aziz Deraman. *Belia dan Budaya* 1986. Bahagian Kebudayaan, Kementerian Belia & Sukan Malaysia.
- Ab. Aziz Mohd Zain. 1999. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2002. *Panduan Pengucapan Awam*. Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abu Zahrah, Muhammad. Tt. *Al-Da'wah ila al-Islam*. Dar al-Fikri al-Arabi, Beirut, Lubnan.
- Al-Aluri, Adam 'Abdullah. 1988/89. *Tarikh al-Da'wah al-Islamiyyah Bayan al-Ams ila al-Yaum*. Wahbah, Kaherah, Misr.
- Ali 'Abd al-Halim Mahmud. 1411H./1990M. *Feqah al-Dakwah ila Allah* Dar al-Wafa' al-Mansurah, Misr.
- Azizan Bahari. 1991. *Belia Dan Masyarakat*. Majlis Belia Pulau Pinang.
- Drs.H.M. Arififin . 1977. *Psikologi Da'wah Suatu Pengantar Studi*. Bulan Bintang, Jakarta, Indonesia.
- Hisham Al-Talib. Terj. Wan Izuddin Wan Sulaiman. 1992. *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*. Nurin Enterprise, Kuala Lumpur.
- Hussain Mohamed. *Belia di Malaysia Masalah, Gerakan dan Masa Depan*. 1997. Berlian Press Sdn.Bhd., Kuala Lumpur
- Hussain Mohamed. 1997. *Belia Di Malaysia, Masalah Gerakan & Masa Depan*. Aneka Publishing, Kuala Lumpur.
- Hussain Mohamed. *Gerakan Belia di Malaysia*. 1986:1-7. Gateway Publishing House

Bhd. Shah Alam, Selangor.

Shaikh Mohd Saifudden, Shaikh Mohd Salleh & Wan Roslili Abdul Majid. 2001. *Belia & Masyarakat*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.